

TARIKH	ISNIN, 13 JANUARI 2025
AKHBAR	UTUSAN MALAYSIA
TAJUK ARTIKEL	PERMOHONAN KE SEKTOR AWAM DIJANGKA NAIK
M/S	6
BIDANG	CIVIL SERVICE
KATA KUNCI	PUBLIC SECTOR

Permohonan ke sektor awam dijangka naik

Oleh FITRI NIZAM
utusannews@mediamulia.com.my

PETALING JAYA: Permohonan menyertai sektor perkhidmatan awam dijangka terus meningkat dalam tempoh lima tahun ke depan selepas pelaksanaan Sistem Saraan Perkhidmatan Awam (SSPA) yang menyumbang kepada peningkatan gaji penjawat awam.

Setiausaha Agung Kongres Kesatuan Pekerja Dalam Perkhidmatan Awam (CUEPACS), Abdul Rahman Mohd. Nordin berkata, unjuran itu dibuat berdasarkan rekod sebelum ini yang menunjukkan permohonan jawatan sektor kerajaan terus meningkat saban tahun.

Katanya, sejak tahun 2000 lagi permohonan untuk menyertai sektor perkhidmatan awam meningkat mendadak berbanding tahun-tahun sebelumnya.

“Bagaimanapun, sejak tahun 2020 apabila wabak Covid-19 melanda negara, permohonan untuk menyertai perkhidmatan awam meningkat mendadak disebabkan ramai pekerja swasta hilang pekerjaan.



Unjuran itu dibuat berdasarkan rekod sebelum ini...”

ABDUL RAHMAN MOHD. NORDIN

“Tetapi, kita menjangkakan jumlah permohonan menyertai perkhidmatan awam akan terus meningkat memandangkan dengan pelaksanaan SSPA yang melihatkan gaji penjawat awam meningkat dan ditambahbaik,” katanya kepada *Utusan Malaysia*.

Terdahulu, akhbar ini melaporkan kerajaan menerima 44,559,514 permohonan kerja dalam perkhidmatan awam sepanjang tempoh lima tahun sejak 2019 sehingga 2023 melalui tiga agensi utama pihak berkuasa melantik (PBM).

Tiga agensi utama PBM itu ialah Suruhanjaya Perkhidmatan Awam (SPA), Suruhanjaya Perkhidmatan Kehakiman dan Perundangan (SPKP) dan Suru-

hanjaya Perkhidmatan Pendidikan (SPP).

Selain daripada tiga agensi itu, urusan pengambilan bagi perkhidmatan Polis Diraja Malaysia (PDRM) adalah melalui Suruhanjaya Pasukan Polis, manakala bagi bagi Angkatan Tentera Malaysia (ATM) pula ialah Majlis Angkatan Tentera (MAT).

Untuk rekod, jumlah penjawat awam ketika ini mencecah 1.6 juta orang di seluruh negara.

Abdul Rahman berkata, selain gaji yang semakin berdaya saing, keterjaminan kehidupan sebelum dan selepas pencen juga menarik minat orang ramai untuk menyertai perkhidmatan awam.

“Pelbagai manfaat diperoleh jika menyertai sektor ini antaranya pencen bulanan selepas bersara, perkhidmatan kesihatan percuma, kemudahan pinjaman perumahan dan kenderaan serta banyak lagi.

“Jadi tidak hairanlah jika untuk tempoh lima tahun ke depan jumlah permohonan untuk menyertai sektor perkhidmatan awam akan terus meningkat daripada sebelumnya,” katanya.

DISEDIAKAN
OLEH

1-PN NOR SURIANI BINTI MOHD ZIN (S44), BPM